



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM**

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HUANG TIONG SII**

**TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN  
PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**

**MAJLIS MEMETERAI PERJANJIAN PENSWASTAAN  
PEMBANGUNAN SEMULA TAPAK LOJI RAWATAN KUMBAHAN DI  
ATAS LOT 7145, TAMAN BUKIT CHERAS  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**SOFITEL KUALA LUMPUR DAMANSARA**

**27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)  
8.00 MALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Madani,

**YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia

**YBhg. Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar**

Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam – Swasta (UKAS),

Jabatan Perdana Menteri

**YBhg. Dr. Ching Thoo Kim,**

Ketua Setiausaha,

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (NRECC)

**Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias**

Pengerusi, MAXIM Global Berhad

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih atas kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan pada malam ini bagi menyaksikan Majlis Memeterai Perjanjian Penswastaan **PEMBANGUNAN SEMULA TAPAK LOJI RAWATAN KUMBAHAN DI ATAS LOT 7145, TAMAN BUKIT CHERAS WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR** antara Kerajaan, Syarikat Tanah dan Harta Sdn. Bhd. dan Syarikat F3 Cheras Development Sdn. Bhd.

**Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,**

2. Cadangan projek melalui kaedah pertukaran tanah (*landswap*) ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 12 April 2023. Projek ini merupakan antara perintis kerjasama awam swasta di dalam pembangunan industri perkhidmatan pembetungan dan akan dilaksanakan secara pertukaran tanah (*land swap*).

3. Hasil daripada cadangan pembangunan semula ini, Kerajaan akan memperoleh faedah dalam bentuk rasionalisasi loji kumbahan dan loji-loji yang dinaik taraf yang seterusnya dapat membantu pelaksanaan Program *Greater Kuala Lumpur / Klang Valley* di bawah seliaan Kementerian ini melalui Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP). Hasil kerja-kerja rasionalisasi dan menaiktaraf ini akan memberi manfaat hasil pembangunan tanah secara komersial yang dapat meningkatkan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut. Cadangan pembangunan ini sudah pastinya akan mengatasi masalah pencemaran bau yang menimbulkan masalah kacau ganggu kepada penduduk setempat hasil daripada proses rawatan di kolam oksidasi Taman Bukit Cheras.

4. Selain itu juga, kerja-kerja rasionalisasi loji-loji kecil dan menyalurkan aliran kumbahan ke LRK Alam Damai adalah selari dengan dasar pembangunan negara. Pembangunan perkhidmatan pembetungan di kawasan bandar yang berkepadatan tinggi adalah berlandaskan konsep serantau (*regionalisation*). Kaedah ini dapat meningkatkan kecekapan secara *economy of scale* dan mengurangkan pembinaan loji-loji kecil di kawasan pembangunan

baharu.

**Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,**

5. Kerajaan melalui Transformasi Sektor Air 2040 (WST 2040) akan terus komited untuk memastikan sistem pembetungan yang berdaya harap, mencukupi dan berkualiti pada kos yang berpatutan. Kerajaan juga amat menggalakkan peralihan strategik operator air dan pembetungan kepada tahap yang lebih tinggi melalui pendanaan alternatif seperti ini. Agenda ini amat penting dalam mentransformasikan sektor air negara ke arah kemampanan dan kesejahteraan negara.

6. Peningkatan akses kepada bekalan air bersih dan sanitasi merupakan salah satu Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang turut disokong oleh Kerajaan. Kerajaan sentiasa membuka peluang kerjasama antara sektor awam dan swasta bagi memastikan penyediaan infrastruktur pembetungan yang moden di seluruh negara melalui alternatif pendanaan. Ini adalah sejajar dengan salah satu Teras Strategik Utama Malaysia Madani iaitu menjamin kesejahteraan insan.

7. Akhir kata, adalah menjadi hasrat Kerajaan agar projek ini dapat dilaksanakan dengan baik. Saya juga berharap agar kerjasama antara Kementerian dan syarikat F3 Cheras Development ini dapat dijadikan satu model terbaik dalam pelaksanaan projek pendanaan alternatif dalam sektor pembetungan atau sektor-sektor utiliti yang lain, dan lebih banyak projek-projek pendanaan alternatif seperti ini dapat dilaksanakan pada masa hadapan.

Sekian, Terima kasih.